

Tokoh ICT beri komitmen bantu maju projek MSC

UM - 5 SEP 2009

CYBERJAYA, 4 Sept. — Tokoh-tokoh teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dunia menyatakan komitmen berterusan mereka dalam membantu pembangunan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) walaupun negara ini akan mengalami peralihan kepimpinan.

Tokoh-tokoh tersebut yang menjadi ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC berpendapat projek MSC akan meneruskan kecemerlangannya walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi tunjang MSC akan bersara sebagai Perdana Menteri selepas Oktober ini.

“Saya yakin ahli-ahli IAP akan terus memberikan komitmen tinggi dalam membantu pembangunan projek ini bersama kepimpinan baru,” katanya Pengerusi dan Ketua pegawai eksekutif, Silicon Graphics Inc., Bob Bishop.

Beliau berkata, Dr. Mahathir telah meletakkan landasan yang kukuh untuk pembangunan MSC di negara ini dan pemimpin seterusnya harus memperkembangkan projek tersebut dalam fasa seterusnya yang lebih mencabar.

Bishop berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kehadiran Dr. Mahathir yang terakhir atas kapasiti Perdana Menteri dalam mesyuarat IAP-MSC ketujuh di Cyberview Lodge Resort and Spa di sini, hari ini.

Presiden ID Track, Robert Madge juga sependapat dengan

Bishop mengenai keyakinan ahli-ahli IAP terhadap projek MSC walaupun ia akan diterajui oleh Perdana Menteri yang baru selepas ini.

“Ia tidak seharusnya menjadi masalah memandangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan secara terbuka hari ini mengenai komitmennya terhadap projek tersebut,” katanya.

Beliau juga berpendapat yang pembangunan projek MSC selepas ini tidak akan banyak mengalami perubahan drastik daripada rancangan asal, walaupun tanpa penglibatan Dr. Mahathir secara langsung.

Prof. William F. Miller dari Stanford University juga menyatakan peralihan kepimpinan tidak seharusnya menjadi alasan untuk projek MSC tidak dapat berjalan dengan lancar.

“MSC telah menyaksikan momentumnya dan pembangunannya kini perlu menumpukan kepada fasa keduanya, termasuk menyediakan sistem pendidikan yang mampu menampung keperluannya di masa depan,” katanya.

Katanya, projek MSC di masa depan perlu memberi penekanan ke arah melahirkan masyarakat yang bersedia untuk menyertai bidang teknologi tinggi seperti bidang nanoteknologi dan bioteknologi.